

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]
TARIKH : 29 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan untuk projek-projek pembasmian denggi yang disalurkan kepada setiap negeri dari tahun 2013 sehingga September 2014 memandangkan kes denggi yang semakin serius.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan peruntukan tahunan mengikut keperluan setiap negeri melalui Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit iaitu meliputi perbelanjaan gaji/amolumen, operasi dan aset. Pada tahun 2013, peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit adalah sebanyak RM597,004,926.45 dan pada tahun 2014 peruntukan adalah sebanyak RM503,209,227.00. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk aktiviti kawalan denggi di setiap negeri adalah antara 25% - 40% daripada yang jumlah diperuntukan. Ia berdasarkan beban penyakit denggi yang

dihadapi oleh negeri terbabit dan ditentukan oleh Pengarah Kesihatan Negeri masing-masing.

Malah bagi menangani situasi peningkatan denggi pada masa ini, Kerajaan telah meluluskan perbelanjaan tambahan sebanyak RM27.7 juta bagi melaksanakan pelan tindakan khas aktiviti pencegahan dan kawalan denggi secara bersepadu dalam tempoh 2 bulan iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014. Pelan tindakan khas ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan telah dilaksanakan di 4 buah negeri yang melaporkan kes denggi tertinggi iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan dan Kelantan.